

# Sidang DUN terakhir sebelum bubar

**SEREMBAN:** Persidangan penggal kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Ke-14 yang berlangsung semalam merupakan persidangan terakhir sebelum DUN negeri ini dibubarkan yang dijangka pada bulan hadapan.

Yang Dipertua DUN Negeri Sembilan, Datuk Zulkefly Mohamad Omar berkata, persidangan kali ini diadakan singkat iaitu sehari sahaja.

"Saya berharap ahli-ahli yang berhormat sekalian dapat memberikan perbahasan yang baik dalam persidangan terakhir hari ini (semalam). Saya menyeru kepada semua ahli dewan agar mematuhi peraturan yang ditetapkan sepanjang persidangan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya perutusan Yang Dipertua Dewan dalam Persidangan penggal kelima DUN Negeri Sembilan yang ke-14 di sini semalam.

Jelas Zulkefly lagi, beliau turut berharap dapat berjumpa

dengan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada persidangan penggal depan.

"Semoga saya dapat berjumpa dengan semua pada penggal hadapan" katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun dalam ucapan penggulungannya berterima kasih atas kerjasama semua pihak sepanjang beliau mengetuai pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya berharap ketua jabatan dapat memberikan respons yang baik selepas ini terhadap aduan yang diberikan. Jangan ambil ringan dan diberi perhatian dan diambil tindakan oleh semua ketua jabatan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Saya memohon maaf andai ada salah silap tutur kata, penglihatan, pendengaran selama ini. Semoga kita berjumpa lagi pada persidangan akan datang," katanya lagi.



**SEBAHAGIAN ADUN** yang menghadiri Persidangan kelima penggal kelima DUN Negeri Sembilan Ke-14 di Seremban semalam. -  
**UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**